

03 DEC 1998

Cuepacs-pemilihan (Bergambar)

SERAMAI 945 MENGUNDI PADA PEMILIHAN CUEPACS

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Seramai 945 perwakilan hari ini mengundi bagi memilih barisan kepimpinan baru Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) pada persidangan perwakilan tri-tahunan ke-21 kongres itu, di sini.

Pengiraan undi akan dibuat malam ini dan keputusan rasmi akan diumumkan 2.45 petang esok, selepas pembentangan usul. Pengundian berlangsung di Pusat Belia Antarabangsa, di sini.

Pemilihan kali ini menyaksikan semua jawatan dipertandingkan. Dua calon akan bertanding merebut jawatan presiden, timbalan presiden (lima calon), setiausaha agung (dua calon), timbalan setiausaha agung (tujuh calon), setiausaha kewangan (empat calon) dan timbalan setiausaha kewangan (dua calon).

Perwakilan juga akan memilih 14 orang penolong setiausaha dan 14 naib presiden.

Jawatan presiden akan diputuskan antara timbalan presiden Cuepacs, Mohd Yusop Harmain Shah dan setiausaha agung badan itu, N. Siva Subramaniam manakala dua timbalan setiausaha agung, Abdul Rahman Manan dan Abdul Rahim Mahad akan merebut jawatan setiausaha agung.

Presiden Cuepacs sekarang Abdul Aziz Mohd Sultan melepaskan jawatan itu berikutan persaraannya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan persidangan itu semalam dengan antara lain mengumumkan bantuan sebanyak RM400 seorang kepada semua kakitangan kerajaan sebagai ganti bonus.

Sementara itu, beberapa perwakilan yang membahaskan penyata kewangan Cuepacs telah meminta pucuk pimpinan mengambil tindakan tegas ke atas badan-badan gabungan yang belum menjelaskan yuran tahunan masing-masing.

Daripada 103 badan gabungan, sebanyak 42 masih belum menjelaskan tunggakan lebih RM87,000.

Bagaimanapun cadangan seorang perwakilan untuk tidak membenarkan perwakilan dari badan gabungan yang belum menjelaskan tunggakan itu mengundi, telah ditolak oleh Presiden Cuepacs Abdul Aziz Mohd Sultan.

Pada perbahasan itu, beberapa perwakilan turut mencadangkan supaya juruaudit luar Cuepacs dijemput ketika pembentangan penyata kewangan bagi membolehkan perwakilan mendapatkan maklumat yang jelas berhubung soal kewangan kongres itu.

-- BERNAMA

RV AHH NAK